

Bersama, hargai setiap detik **Ramadan** #EratkanJhatan

celcomdigi

Tawaran Istimewa Ramadan

Imsak 06:04 am Subuh 06:14 am Zohor 01:26 pm

Operasi padam kebakaran ladang, hutan di Gebeng ditamatkan sepenuhnya

Oleh Asrol Awang - Mac 11, 2025 @ 6:40am
bhnews@bh.com.my



(Gambar fail) Anggota bomba menggunakan dron untuk meninjau keadaan kawasan kebakaran ladang kelapa dan hutan di Gebeng. - NSTP/MUHAMMAD DELIMA ATAN

KUANTAN: Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Pahang mengumumkan operasi pemadaman kebakaran ladang kelapa dan hutan seluas 176 hektar di Gebeng, di sini, yang berlaku sejak 22 Februari lalu, ditamatkan sepenuhnya, semalam.

Pengarah JBPM negeri, Mohd Razam Taja Rahim, berkata secara keseluruhan kebakaran itu telah dipadamkan dengan efektif.

Bagaimanapun, beliau berkata, pemantauan rapi akan terus dijalankan oleh Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Gebeng selama tiga hari bagi memastikan tiada kesan bara yang boleh mencetuskan kebakaran semula.

"Penghargaan diberikan kepada agensi sahabat, iaitu Pejabat Daerah Kuantan, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Kerja Raya (JKR) serta Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM).

DISYORKAN

- **Perkhidmatan bas ulang-alik Bukit Bendera percuma sempena Aidilfitri**
- **BH, Mitraland Group santuni penerima sumbangan Wadah Satu Hati pada majlis berbuka puasa**
- **Pegawai penyiasat gertak, ugut tumbuk jika tak ikut arahan - Saksi**
- **Honda Jazz rempuh 2 motosikal di lampu isyarat: Seorang lagi mangsa meninggal**

"Selain itu, Gebeng Emergency Mutual Aid (GEMA), Jabatan Alam Sekitar (JAS) serta lain-lain pihak yang bersama melaksanakan operasi pemadaman itu.

"Kerjasama baik yang terjalin antara agensi di negeri ini mencerminkan tahap kecaknaan kerajaan terhadap kelestarian hidup rakyat," katanya dalam satu kenyataan.

Dalam pada itu, beliau berkata, JBPM merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak media dalam memberikan liputan menyeluruh sepanjang operasi terbabit.

Katanya, laporan yang disampaikan bukan saja membantu menyebarkan maklumat tepat kepada masyarakat, malah meredakan kebimbangan berkenaan tahap Indeks Pencemaran Udara (IPU) yang pernah mencecah paras meruncing.

"Selain itu, liputan ini juga memberi gambaran positif kepada masyarakat mengenai kesiapsiagaan kerajaan dalam menangani situasi ini bagi memastikan kesejahteraan dan kesejahteraan rakyat sentiasa terpelihara," katanya.